



KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA**

**KERJASAMA ANTARA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
(KPN) DENGAN YAYASAN PERPADUAN MALAYSIA (YPM)**

---

24 NOVEMBER 2020, Kuala Lumpur – Kementerian Perpaduan Negara hari ini telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Yayasan Perpaduan Malaysia (YPM) bagi menjalankan enam (6) program berteraskan perpaduan yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi melalui Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara di bawah seliaan Kementerian ini.

2. Majlis ini telah disaksikan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye.
3. Memorandum telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Md Radzi, manakala Yayasan Perpaduan Malaysia diwakili oleh Pengurus Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, YBhg. Profesor Dr. Suresh Kumar Govind.
4. Menurut YB Menteri Perpaduan Negara, kerjasama ini akan dapat memantapkan usaha pengukuhan perpaduan, integrasi nasional dan penghayatan Rukun Negara yang akan melibatkan Jentera Perpaduan seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Institusi Pengajian Tinggi dan Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah-sekolah.

5. Enam (6) program akan dilaksanakan seperti berikut:
- (a) Projek kolaborasi bersama Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah bertemakan “*In-Kindness, We Unite*” dengan tujuan mempromosi Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu dalam kepelbagaian;
  - (b) Projek “*Unity Corner*” untuk menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan murid-murid sekolah dengan menghasilkan sebuah sudut yang penuh informasi dalam kawasan sekolah. Sudut ini akan menjadi tempat rujukan dan aktiviti belajar secara santai;
  - (c) Sesi bengkel “*Explore Merdeka*” bertujuan untuk mewujudkan ruang bagi masyarakat menghayati dan berkongsi erti kemerdekaan; dan
  - (d) Program “Kembara Perpaduan @ CIMB *Hiking 4 Unity*” yang bertujuan mempromosi perpaduan melalui kegiatan sihat, pendekatan interaksi dan komunikasi secara terus berdasarkan kepentingan bersama dengan alam semulajadi;
  - (e) Bengkel Intensif Rukun Negara yang bertujuan mendedahkan pelajar sekolah rendah mengenai kepentingan penghayatan Rukun Negara dalam kehidupan seharian; dan
  - (f) Seminar atas talian “*Rukun Negara: Direction for the Future*” yang bertujuan membincangkan tentang peranan Rukun Negara sebagai panduan yang akan menentukan halatuju Malaysia pada masa akan datang.

6. Kementerian Perpaduan Negara sebelum ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) dan kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dan juga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi menjalankan kajian-kajian penyelidikan berhubung perpaduan negara dan integrasi nasional.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

24 November 2020

**-TAMAT-**

***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

**Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 ( 33 )